

# Hargailah ibumu

UB 02/11/2011 04



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD

zaitonmohamad@yahoo.com

**D**IAM tidak diam bulan November 2011 sudah bermula. Tinggal sebulan sahaja lagi kita akan menyambut tahun baru 2012. Maka sudah tentu cita-cita dan impian yang telah dibuat pada penghujung tahun lepas telah hampir dicapai. Justeru itu pada kali ini ingin saya berkongsi dalam kehidupan yang memerlukan pergerakan yang pantas ini mengenai sebuah tanggungjawab yang sedang dilupakan. Apatah lagi sekiranya kita tergolong dalam golongan yang bekerjaya, memikul tanggungjawab sebagai ibu bapa dan hidup dalam komuniti sudah tentu sehari seolah-olah tidak mencukupi untuk membuat pelbagai kerja. Namun dalam kehairahan mengejar kerjaya, membantu komuniti dan anak-anak, sewajarnya kita tidak boleh melupakan peranan dan tanggungjawab kepada kedua ibu bapa sendiri. Ibu bapa merupakan orang yang paling dekat dengan kita. Dari kecil mereka mengandung, melahir dan menjaga sehingga dewasa dan berjaya menamatkan pengajian. Malah mungkin juga sepanjang hidupnya tumpuan selalu dilebihkan kepada kita. Pendek kata, semua kemahuan kita ibu tidak pernah hampakan. Namun, hati mana tidak tersentuh apabila menyaksikan terdapat banyak kes penderhakaan terhadap ibu. Ada manusia yang sanggup melawan dan menengking ibu, lari dari rumah kerana bosan mendengar nasihat ibu, membiarkan ibu berseorangan, tidak bertanya khabar ibu di kampung malah ada sanggup memukul ibu hanya kerana perselisihan kecil.

Jadi sempena dengan bulan Zulhijjah ini, marilah kita sama-sama mengingati jasa-jasa mereka yang telah banyak berkorban dan berjasa kepada kita. Dulunya, kita adik-beradik tinggal sebumbung menjadikan suasana di dalam rumah cukup riuh rendah. Apabila masing-masing sudah berkeluarga kenangan indah itu semakin lama semakin lenyap. Namun hati seorang ibu sememangnya amat rindukan suasana gelak dan tawa itu. Jadi pulanglah ke rumah ibu sementara mereka masih ada dan bagi anak lelaki yang sudah berumahtangga jangan sesekali menyisihkan ibu kerana tanggungjawab mereka tidak terhenti walaupun sudah memiliki keluarga sendiri.

Dalam agama Islam ada Firman Allah yang bermaksud: "Dan kami wasiatkan kepada manusia, terhadap ibu bapanya. Ibunya mengandung dengan (menderita) kelelahan di atas kelelahan dan menceraikannya daripada susuan dalam dua tahun (iaitu): Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada-Ku tempat kembali." (Surah al-Lukman ayat 14).

Hanya Allah mampu membalas bakti dan jasa ibu kepada anaknya. Ibu tidak pernah mengeluh atau kecewa apabila ditimpa kesusahan demi anak tersayang. Justeru, kita dilarang menderhaka kepada ibu, mengelihkan hati, melawan atau mengherdik. Menderhaka kepada ibu bapa adalah satu dosa besar dan anak tidak akan mencium bau syurga meskipun mereka melakukan amal ibadat yang lain. Keadaan tersebut adalah sama walaupun sudah

berumahtangga dan mempunyai keluarga terutamanya untuk anak lelaki. Seperti dalam kisah Nabi Allah Ibrahim dengan anaknya Nabi Ismail. Suatu hari, Nabi Ibrahim ke rumah anaknya dan kebetulan Nabi Ismail tidak ada di rumah, isterinya pun tidak kenal dengan mentuanya. Menantunya berkasar menyebabkan Nabi Ibrahim kecil hati. Dan sebelum balik dia berpesan kepada menantunya dengan menyuruh suaminya menukar alang rumah kepada yang alang rumah yang baru. Bila Nabi Ismail balik, isterinya telah menceritakan semula dan menggambarkan rupa lelaki tersebut dan menyampaikan pesanan. Nabi Ismail sedar itu adalah ayahnya. Nabi Ismail insaf di sebalik simbol kata-kata ayahnya, bahawa isterinya bukan daripada kalangan wanita yang berakhlak, lalu diceraikannya. Nabi Ismail berkahwin kali kedua dan bapanya masih tidak mengenali menantunya.

Sekali lagi Nabi Ibrahim melawat ke rumah Nabi Ismail dan menantunya melayan dengan bersopan santun walaupun tidak pernah mengenali Nabi Ibrahim. Nabi Ibrahim tertarik hati dan sebelum pulang baginda telah berpesan iaitu "Katakan kepada suamimu bahawa alang rumah ini sudah cukup baik dan jangan ditukar kepada yang lain". Justeru itu dalam berumahtangga wanita amat penting dalam mendidik anak-anak dan juga menjaga keturunan pada masa depan. Oleh yang demikian berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan juga kedua ibu bapa mertua. Lantaran itu, berbakti kepada mereka sementara mereka masih hidup. Jangan apabila mereka sudah meninggal dunia, barulah kita mahu membina batu nisan terbaik atau mencetak surah Yasin khas untuk tahlil ke atas mereka.

Sambutan Hari Ibu belum cukup untuk membalas jasa ibu selama ini. Imam Bukhari meriwayatkan sebuah kisah daripada Said bin Abi Burdah berkenaan seorang lelaki Yaman yang bertawaf sambil mendukung ibunya dengan penuh cermat. Sesudah selesai tawaf, beliau bertanya Ibnu Umar: "Apakah dengan khidmat dan pengorbananku ini dapat membalas jasa bakti ibuku?" Jawab Ibnu Umar: "Tidak, apa yang kamu lakukan tadi tidak akan dapat menebus jasa ibumu sekalipun sekadar hembusan nafas ketika kesakitan melahirkan kamu."

Namun, usaha adik-beradik untuk sama-sama meluangkan masa balik kampung dan berkumpul kemudian mengadakan majlis makan bersama meraikan ibu tercinta boleh menjadi permulaan kepada satu usaha yang baik. Kegembiraan ibu melihat anak pulang berkumpul itu saja sudah menjadi satu ibadah. Adalah menjadi dosa besar kepada anak yang menderhaka terhadap ibu bapa. Justeru itu sempena dengan sambutan perayaan Aidiladha ini marilah kita kembali kepangkuhan ibu bapa kita... pelukan, kata-kata dan senyuman mereka bisa menjadi terapi yang paling baik untuk ketenangan jiwa dan mental kita semua. Oleh yang demikian hargailah ibu anda semua.

**Penulis ialah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS**